# TAKLIMAT INDUKSI MAJIKAN

*PERKESO itu Prihatin,*
*Prihatin itu PERKESO*

**Pekerja Malaysia dan tanggungan dilindungi daripada tekanan ekonomi dan sosial yang boleh membawa kepada kehilangan pendapatan disebabkan oleh kecederaan dan kemalangan tempat kerja, kehilangan pekerjaan, ketidakupayaan atau kematian melalui akta-akta keselamatan sosial**




Skim PERKESO memberi perlindungan yang komprehensif dengan jumlah caruman yang nominal

## SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL (AKTA 4)

### SKIM BENCANA PEKERJAAN

- Perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan/ penyakit khidmat yang berpunca daripada **PEKERJAANNYA.**
- Perlindungan meliputi kemalangan :
  - i. Menjalankan pekerjaannya
  - ii. Dalam perjalanan tertentu
  - iii. Kecemasan
  - iv. Penyakit Khidmat
- Perlindungan ini diberikan kepada pekerja tempatan dan warga asing.

### SKIM KEILATAN

- Keuzuran yang berkekalan samada tidak boleh diubati atau tidak mungkin sembuh serta tidak berupaya mencari nafkah dengan kerja yang berpadanan dengan kekuatan dan tenaganya, sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada keupayaan pekerja yang normal. Ini telah disahkan oleh Jemaah Doktor.
- Perlindungan **24 jam dari keilatan/kematian akibat sebab yang TIDAK BERKAITAN dengan pekerjaannya**

## SISTEM INSURANS PEKERJAAN (AKTA 800)

Perlindungan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan merangkumi :

- Pembuangan kerja biasa.
- VSS/MSS (Skim pemisahan sukarela dengan persetujuan bersama).
- Penutupan tempat kerja kerana bencana alam, rusuhan atau kebakaran.
- Bankrap atau penutupan tempat kerja.
- Pembuangan kerja konstruktif
- Perletakan jawatan disebabkan gangguan seksual atau ugutan di tempat kerja.
- Perletakan jawatan apabila diarah melaksanakan kerja di luar skop yang membahayakan keselamatan

**PERKESO** adalah sebuah badan berkanun yang memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja melalui Tiga (3) Skim

**Majikan diwajibkan mendaftar pekerja dengan PERKESO untuk dilindungi melalui skim perlindungan keselamatan sosial dan skim insurans pekerjaan. Manakala pekerja persendirian boleh mendaftar di bawah Skim Pekerjaan Sendiri (Akta 789).**

| SKIM / PEKERJA | | SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL (AKTA 4) | | SKIM INSURANS PEKERJAAN (AKTA 800) |
|---|---|---|---|---|
| | | SKIM BENCANA PEKERJAAN | SKIM KEILATAN | |
| **Kelayakan Pekerja** | | **1. Pekerja Tempatan** (status **tetap/kontrak** )<br>o Warganegara Malaysia / Pemastautin Tetap (PR) / Pemastautin Sementara (TR)<br>o Suami/Isteri kepada pemilik tunggal/perkongsian<br>o **Kakitangan awam, Badan Berkanun & Pihak Berkuasa Tempatan yang berstatus KONTRAK/SEMENTARA**<br>**2. Pekerja Asing**<br>o Passport dan Permit Kerja yang sah | | **1. Pekerja Tempatan** (berstatus **tetap/kontrak**)<br>o Warganegara Malaysia / Pemastautin Tetap (PR) / Pemastautin Sementara (TR)<br>o Suami/Isteri kepada pemilik tunggal/perkongsian |
| **Had Umur** | | Tiada had umur | Sehingga umur 60 tahun | **18 - 60 tahun** kecuali bagi bagi pekerja yang berumur 57 tahun dan ke atas yang tidak pernah mencarum sebelum mencapai umur tersebut |
| **Definisi Gaji di bawah Akta** | | Gaji termasuk kerja lebih masa, elaun dan komisen. Tuntutan perjalanan & bonus tidak termasuk kiraan gaji. | | |
| **Warganegara Malaysia /PR /TR** | | ✓ | ✓ | ✓ |
| **Asing** | | ✓ | ✗ | ✗ |
| **Kadar** | **Majikan** | 1.25% | 0.5% | 0.2% |
| | **Pekerja** | - | 0.5% | 0.2% |

**Kadar Caruman Skim Perlindungan Keselamatan Sosial (Akta 4) terbahagi kepada dua (2) iaitu:**
**Caruman Jenis Pertama : Skim Bencana Pekerjaan dan Keilatan – Pekerja berumur kurang daripada 60 tahun**
**Caruman Jenis Kedua : Skim Bencana Pekerjaan Sahaja – Pekerja berumur lebih daripada 60 tahun**

# PELUASAN PERLINDUNGAN PEKERJA DOMESTIK

## Pekerja Domestik

Seseorang pekerja domestik yang diambil bekerja semata-mata dalam kerja atau yang berkaitan dengan kerja bagi suatu rumah kediaman persendirian dan bukan diambil bekerja bagi apa-apa perdagangan, perniagaan atau profession yang dijalankan oleh majikan sama ada di dalam atau di luar rumah kediaman itu.

## Syarat Majikan

1) Majikan warganegara Malaysia
2) Majikan warganegara asing boleh menggajikan pekerja warganegara Malaysia sahaja




## Syarat Pekerja

1) Warganegara / Pemastautin Tetap (PR) / Pemastautin Sementara (TR)
2) Warganegara asing dengan dokumen perjalanan yang sah

| AKTA/ PEKERJA DOMESTIK | | SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL (AKTA 4) | | SISTSEM INSURANS PEKERJAAN (AKTA 800) |
|---|---|---|---|---|
| | | SKIM BENCANA PEKERJAAN | SKIM KEILATAN | SKIM INSURANS PEKERJAAN |
| Warganegara Malaysia | | ✓ | ✓ | ✓ |
| Pemastautin Tetap (PR) | | ✓ | ✓ | ✓ |
| Pemastautin Sementara (TR) | | ✓ | ✓ | ✓ |
| Asing | | ✓ | ✗ | ✗ |
| Kadar | Majikan | 1.25% | 0.5% | 0.2% |
| | Pekerja Domestik | - | 0.5% | 0.2% |

# SKIM BENCANA PEKERJAAN

## HILANG UPAYA KEKAL (HUK)



**BAYARAN** berdasarkan taksiran Jemaah Doktor /Jemaah Doktor Rayuan terhadap pekerja yang mengalami hilang upaya kekal akibat bencana pekerjaan.

- ❑ **Kadar Min : RM30.00/hari**
- ❑ **Kadar Maks : RM148.50/hari**

## FAEDAH PERUBATAN



Rawatan perubatan secara percuma di klinik panel PERKESO/ klinik / hospital kerajaan

## FAEDAH ORANG TANGGUNGAN



**BAYARAN** secara bulanan kepada orang tanggungan yang layak sekiranya pekerja terlibat meninggal dunia akibat bencana pekerjaan.

- ❑ **Kadar Min : RM30.00/hari**
- ❑ **Kadar Maks : RM148.50/hari**

## HILANG UPAYA SEMENTARA (HUS)



**BAYARAN** tempoh cuti sakitnya sekurangnya 4 hari.

- ❑ **Kadar Min : RM30.00/hari**
- ❑ **Kadar Maks : RM132.00/ hari**

## FAEDAH PENDIDIKAN



Pinjaman disediakan kepada anak tanggungan.

- ❑ **Kadar caj perkhidmatan : 2%**

## PEMULIHAN JASMANI/VOKASIONAL



**KEMUDAHAN PEMULIHAN JASMANI** : fisioterapi, terapi pekerjaan, pembedahan rekonstruktif, bekalan alat pemulihan, bekalan prostetik, ortotik dan lain-lain alat.

**KEMUDAHAN VOKASIONAL**: latihan dalam bidang elektrikal, jahitan, membaiki radio/TV, menaip dan lain-lain. *Pekerja Asing hanya layak Alat Pemulihan

## ELAUN LAYANAN SENTIASA



Jemaah Doktor/Jemaah Doktor Rayuan memutuskan layak untuk mendapat elaun layanan sentiasa

- ❑ **Kadar : RM500.00/bulan**

## PENGURUSAN MAYAT



Kos pengurusan pengebumian dibayar kepada waris yang layak.
Penghantaran jenazah pekerja asing ke negara asal.

- ❑ **Kadar (Pekerja Tempatan) : RM2,000.00**
- ❑ **Kadar Maks (Pekerja Asing) : RM6,500.00 atau mengikut mana yang lebih rendah .**

Faedah Bencana Kerja untuk Pekerja Tempatan & Asing

# SKIM KEILATAN

## PENCEN ILAT



**BAYARAN** kepada pekerja yang layak dan disahkan menghidap keilatan oleh Jemaah Doktor /Doktor Rayuan. Dibayar selama pekerja mengalami keilatan/hingga meninggal dunia.

- ❑ **Kadar Min : RM475.00/bulan**
- ❑ **Kadar Maks : RM3,217.50/bulan**

## BANTUAN ILAT



**BAYARAN** secara pukal kepada Pekerja yang **TIDAK** layak menerima **Pencen Ilat** kerana tidak memenuhi kelayakan caruman. Kadar adalah sama banyaknya dengan jumlah caruman yang telah dibayar oleh pekerja dan majikan untuk Skim Keilatan termasuk faedahnya.

## PENCEN PENAKAT

**BAYARAN** secara bulanan kepada orang tanggungan yang layak sekiranya pekerja meninggal dunia akibat sebarang sebab.

Syarat : Pekerja meninggal dunia sebelum mencapai 60 tahun & memenuhi syarat kelayakan caruman ATAU meninggal semasa menerima Pencen ILAT tanpa mengira umur.



- ❑ **Kadar Min : RM475.00/bulan**
- ❑ **Kadar Maks : RM3,217.50/bulan**

**Faedah Keilatan untuk Pekerja Tempatan SAHAJA**

## PENDIDIKAN



Pinjaman disediakan kepada anak tanggungan.

- ❑ **Kadar caj perkhidmatan : 2%**

## PEMULIHAN JASMANI/ VOKASIONAL/DIALISIS



**Kemudahan pemulihan jasmani** : fisioterapi, terapi pekerjaan, pembedahan rekonstruktif, bekalan alat pemulihan, bekalan prostetik, ortotik dan lain-lain alat.

**Kemudahan vokasional** : latihan dalam bidang elektrikal, jahitan, membaiki radio/TV, menaip dan lain-lain.

**Kemudahan dialisis** bagi pekerja yang menghidap sakit buah pinggang kronik

## ELAUN LAYANAN SENTIASA



Jemaah Doktor/Jemaah Doktor Rayuan memutuskan layak untuk mendapat elaun layanan sentiasa

- ❑ **Kadar : RM500.00/bulan**

## PENGURUSAN MAYAT



Kos pengurusan pengebumian dibayar kepada waris yang layak.

- ❑ **Kadar : RM2,000.00**

# FAEDAH SISTEM INSURANS PEKERJAAN

PERKESO

EIS
EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM

## ELAUN MENCARI PEKERJAAN

- ❑ KADAR MIN : RM54.00
- ❑ KADAR MAKS : RM10,665.00

## ELAUN LATIHAN

- ❑ KADAR MIN : RM10.00
- ❑ KADAR MAKS : RM20.00

## ELAUN PENDAPATAN BERKURANGAN

- ❑ KADAR MIN : RM34.00
- ❑ KADAR MAKS : RM10,665.00

## YURAN LATIHAN

- ❑ KADAR : RM4,000.00

## ELAUN BEKERJA SEMULA AWAL

- ❑ KADAR MIN : RM15.00
- ❑ KADAR MAKS : RM2,665.25

## PERKHIDMATAN PEKERJAAN

- ❑ PENCARIAN PEKERJAAN
- ❑ PADANAN PEKERJAAN
- ❑ PENEMPATAN PEKERJAAN
- ❑ KAUNSELING KERJAYA

**Permohonan tuntutan Faedah SIP melalui pautan :** https://eiscentre.perkeso.gov.my/apply-for-benefits/

# TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

PERKESO

PERKESO Prihatin

## Tanggungjawab

Memastikan semua pekerja yang diambil **bekerja** telah didaftarkan dan dibayar caruman mengikut kadar yang ditetapkan oleh **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) & Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)**

**Lewat Daftar Perusahaan**
Kompaun Min : RM500.00  Kompaun Maks :  RM4,000.00

**Tidak Menyediakan / Menyimpan Data Pekerja**
Kompaun Min : RM300.00 | Kompaun Maks : RM600.00

**Lewat Daftar Pekerja**
Kompaun Min : RM500.00 (1 pekerja) | Kompaun Maks : RM3,000.00 (1 pekerja)

**Tidak Menyediakan Jadual Bayaran Caruman**
Kompaun Min : RM300.00 | Kompaun Maks : RM600.00

**Lewat Bayar Caruman**
Penalti : 6%



## Tanggungjawab

Melapor semua kemalangan berkaitan dengan pekerjaan yang menimpa pekerja dalam tempoh 48 jam daripada kemalangan itu diketahui oleh majikan/pihak majikan




**Lewat Lapor Kemalangan**
Kompaun Min : RM1,000.00
Kompaun Maks : RM1,500.00

**2 tahun penjara**
**ATAU**
**bayaran denda RM10,000.00**
**ATAU**
**kedua-duanya**

# GAMBARAN PROSES KESELURUHAN PENDAFTARAN -> CARUMAN

04 Bayaran Caruman Bulanan PERKESO

03 Selamat Datang ke Induksi Majikan Baru



Jemputan Induksi Majikan Baru Oleh PERKESO

02 Pengesahan pendaftaran oleh PERKESO melalui emel atau panggilan

01 Majikan Baru berdaftar dengan PERKESO

TERIMA  KASIH

**PERKESO**

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA LAYARI ATAU HUBUNGI :-

www.perkeso.gov.my

perkeso@perkeso.gov.my

1300-22-8000